

**Pembangkok sengaja ambil kesempatan
Utusan Online
05 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 4 Mei - Penglibatan parti pembangkang pada perhimpunan haram Bersih 3.0 Sabtu lalu, adalah bertujuan untuk menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan demi kepentingan politik pihak terbabit menjelang pilihan raya umum akan datang.

Presiden Pertubuhan Penyokong Barisan Nasional (PPBN), Datuk Seri Dr. Saharuddin Awang Yahya berkata, penyertaan itu telah menyebabkan matlamat asal perhimpunan yang disifatkan sebagai aman bertukar menjadi ganas.

Katanya, dalam perhimpunan itu terdapat dua kumpulan iaitu satu kumpulan adalah mereka yang berhimpun secara aman dan satu lagi ahli-ahli parti pembangkang yang mengambil kesempatan menimbulkan kekecohan serta keganasan.

"Ini adalah cara politik pembangkang untuk memburukkan kerajaan dan menjatuhkan imej negara di mata dunia," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas insiden ganas yang berlaku pada perhimpunan itu yang disifatkan sebagai satu tindakan di luar jangka sehingga menyebabkan beberapa anggota polis dan petugas media dibelasah para peserta demonstrasi tersebut.

Sehubungan itu, Saharuddin menggesa kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas terhadap Pengerusi perhimpunan itu, Datuk S. Ambiga dan para pemimpin pembangkang yang sengaja mencetuskan provokasi semasa perhimpunan berkenaan.

"Tindakan tegas itu perlu diambil sebagai tanda amaran kepada penganjur Bersih dan juga pemimpin pembangkang. Ini kerana keganasan peserta perhimpunan itu bukan budaya dan adat masyarakat kita tambahan pula Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang aman dan rakyatnya bersopan santun," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berharap agar pihak polis selepas ini lebih berhati-hati dan meneliti secara mendalam setiap permohonan bagi mengadakan perhimpunan aman supaya ia tidak bermotif atau berkepentingan politik.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm